

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA
KES TANGKAP NO.: JA-82D-42-08/2021

ANTARA

PENDAKWA RAYA

v.

MUHAMAD SAIFUDDIN BIN CHE ANAWA

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Muhamad Saifuddin Bin Che Anawa (OKT) telah dituduh dengan pertuduhan di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen dan Akta yang sama seperti berikut:

PERTUDUHAN PINDAAN

Bahawa kamu pada 06/08/2021 jam lebih kurang 10.30 pagi, bertempat di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Johor Bahru Selatan, di dalam daerah Johor Bahru, dalam negeri Johor Darul Takzim, kamu telah memberikan dadah berbahaya ke dalam tubuh badan kamu sendiri iaitu dadah jenis Amphetamine & Methamphetamine, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawah seksyen 15 Akta yang sama.



HUKUMAN

Jika disabitkan hendaklah didenda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun.

[2] Pertuduhan telah dibacakan dan diterangkan kepada OKT di dalam Bahasa Malaysia, OKT faham pertuduhan dan mohon bicara terhadap pertuduhan tersebut.

Kes Pihak Pendakwaan:

[3] Di dalam kes ini seramai 5 orang saksi telah dipanggil:

SAKSI	NAMA	PERANAN
SP1	ASP Tengku Faisal Bin Tengku Yeng	Pengadu
SP2	Insp Mohamad Afis Bin Zaniah	Pegawai pengiring
SP3	Afiqah Binti Pendi@Affendi	Juruteknologi
SP4	Noor Hayati Binti A. Kadir	Ahli Patologi
SP5	Insp Ahmad Nasaruddin Bin Othman	Pegawai Penyiasat

[4] Sebanyak 13 eksibit telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan sepanjang kes di peringkat pendakwaan dijalankan iaitu:



BIL	BARANG KES / EKSIBIT	DITANDAKAN SEBAGAI
1.	Borang permintaan pengesanan air kencing	P1
2.	1 keping gambar urine container package	P2
3.	1 keping gambar test trip	P3
4.	7 keping gambar botol urine	P4(A-G)
5.	Borang serahan menyerah barang kes	P5
6.	Laporan polis Larkin 6363/21	P6
7.	Laporan polis pembetulan Larkin 6367/21	P7
8.	2 keping gambar tandas (A & B)	P8(A&B)
9.	Borang serah menyerah kes Ke Jabatan Patologi	P9
10.	2 keping gambar tempat saringan awal air kencing (A & B)	P10(A&B)
11.	Peket plastik lutsinar (logo PDRM) terkandung botol urin	P12
12.	1 botol urin	P13
13	Laporan patologi	P14

[5] Di peringkat ini, tahap pembuktian adalah pada peringkat '*prima facie*' sebagaimana yang termaktub di dalam Seksyen 173(h) Kanun Tatacara Jenayah dan sepertimana yang digariskan di dalam kes ***Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301*** yang mana pendakwaan hendaklah membuktikan kepada Mahkamah bahawa intipati kesalahan seperti dalam pertuduhan telah dibuktikan tanpa keraguan yang dinyatakan seperti berikut:



“The test at the close of the prosecution case would be; Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

[6] Intipati pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan dinyatakan di dalam seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 [ADB] di baca seperti berikut:

“(1) Mana-mana orang yang –

- (a) mengguna, memberikan kepada dirinya sendiri atau menyiksa mana-mana orang lain, bertentangan dengan Seksyen 14 dengan memberikan kepadanya mana-mana dadah berbahaya yang ditetapkan di Bahagian III dan IV Jadual Pertama; atau
- b) ...

adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika disabitkan hendaklah didenda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun.”

[7] Seksyen 37(k) Akta yang sama pula memperuntukkan:

“Seksyen 37. Anggapan.



Dalam semua prosiding di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya-

- (k) jika seseorang dituduh melakukan suatu kesalahan mengguna dadah berbahaya atau memberi kepada dirinya sendiri atau menyiksa mana-mana orang lain untuk memberi dadah berbahaya kepada dirinya, dan mana-mana dadah berbahaya yang dikesan dalam air kencing orang yang dituduh sebagai keputusan ujian air kencing yang dijalankan di bawah Seksyen 31A, orang tersebut hendaklah dianggapkan, sehingga dibuktikan sebaliknya, ada mengguna dadah atau ada memberi dadah kepada dirinya sendiri atau ada menyiksa mana-mana orang untuk memberi dadah kepada dirinya yang bertentangan dengan Akta ini atau peraturan-peraturannya.”

[8] Seksyen 31A Akta yang sama memperuntukkan:

“Seksyen 31A. Pemeriksaan oleh seorang pegawai perubatan ke atas orang yang ditangkap.

(1) Apabila seseorang itu ditangkap di atas tuduhan melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini-

- (a) yang mempunyai sesuatu sifat; atau
(b) yang dikatakan telah dilakukan di bawah sesuatu hal keadaan, yang boleh memberi alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu pemeriksaan ke atas orang tersebut akan dapat memberikan bukti tentang berlakunya suatu kesalahan



terhadap Akta ini, adalah menjadi sah di sisi undang-undang bagi seorang pegawai perubatan bertindak dengan permintaan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan, atau mana-mana pegawai lain yang menjadi ketua di suatu balai polis, atau mana-mana pegawai kastam, dan untuk mana-mana orang yang bertindak dalam membantu pegawai perubatan dan di bawah arahnya, untuk membuat suatu pemeriksaan atau pemeriksaan-pemeriksaan terhadap orang yang ditangkap yang dengan munasabahnyanya perlu bagi memutuskan kenyataan-kenyataan yang dapat memberikan bukti itu, dan untuk menggunakan atau menyebabkan untuk digunakan peraturan tersebut seperti yang dengan munasabahnyanya perlu untuk tujuan itu.

(1A) Bagi maksud pemeliharaan keterangan, adalah menjadi sah di sisi undang-undang bagi seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan atau seorang pegawai kastam untuk menghendaki orang yang ditangkap untuk memberi contoh air kencingnya untuk tujuan pemeriksaan di bawah subseksyen (1) jika pegawai perubatan atau mana-mana orang yang membantu dalam perubatan atau yang di atas arahan pegawai perubatan tidak dapat melaksanakan tugas untuk memperoleh contoh air kencing itu pada masa yang munasabah.

[9] Merujuk kes ***Public Prosecutor v Chan Kam Leong [1989] 2 CLJ 311 (Rep)***, Zakaria Yatim J (ketika itu) telah menyatakan bahawa:



“In order to prove that a person is guilty of an offence under s. 15(a), the prosecution must prove;

- (1) the accused administers the drugs to himself; or the accused suffers another person, contrary to s. 14 of the Act, to administer to him the dangerous drugs, and*
- (2) that the urine of the accused is clinically tested and found to contain the drugs.”*

[10] Oleh yang demikian, pihak pendakwaan mempunyai beban untuk membuktikan intipati pertuduhan yang dapat dirangkumkan seperti di bawah:

- a) Sama ada sampel air kencing adalah milik/dari OKT;
- b) Sama ada dadah berbahaya dikesan dalam air kencing tersebut melalui ujian yang dijalankan mengikut Seksyen 31A.
- c) Sama ada Amphetamine & Methamphetamine merupakan dadah berbahaya yang ditetapkan di Bahagian III dan IV Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

Fakta Kes

[11] Berdasarkan keterangan, kejadian berlaku bertempat di Pejabat Narkotik IPD Johor Bahru Selatan dimana SP1 telah mengarahkan SP2 untuk mengiringi OKT bagi membuat ujian saringan awal air kencing OKT dan hasil tersebut mendapati urin OKT positif dadah jenis Amphetamine seperti dalam Ekshibit P6.



[12] Sampel urin tersebut seterusnya telah dihantar ke Jabatan Patologi Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru untuk dianalisa dan hasil analisa yang dijalankan oleh SP4 telah mendapati sampel urin OKT mengandungi dadah jenis 'Amphetamine dan Methamphetamine' seperti yang dinyatakan dalam Ekshibit P14.

Dapatan Dan Analisis Mahkamah di Peringkat Kes Pendakwaan

[13] Melalui penelitian ekstensif mahkamah terhadap keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan Mahkamah ini mendapati bahawa:

a) Sama ada sampel air kencing adalah milik OKT

[14] Penilaian maksimum mahkamah kepada kesemua rangkaian keterangan saksi-saksi pendakwaan dalam menentukan sama ada sampel air kencing adalah milik OKT mendapati bahawa:

- i) SP1 memberi keterangan bahawa tangkapan OKT adalah berkait Laporan Polis Larkin/6363/21 sebagaimana eksibit P6 bagi menjalankan ujian saringan awal kencing terhadap OKT di Pejabat Narkotik IPD Johor Bahru Selatan.
- ii) Di balai polis Johor Bahru Selatan, SP1 mengesahkan bahawa OKT telah memilih botol urin no siri. B076863. SP1 mengesahkan bahawa botol urin yang dipilih oleh OKT adalah dalam keadaan baik dan belum digunakan.



- iii) SP1 telah mengarahkan OKT untuk memberi air kencing dengan dieskot oleh SP2. SP2 telah mengiringi OKT ke tandas Pejabat Narkotik IPD Johor Bahru Selatan bagi mendapatkan sampel air kencing OKT ke dalam botol urin tersebut sebelum diserahkan semula oleh OKT kepada SP1 untuk ujian saringan air kecing dijalankan.
- iv) SP1 telah menjalankan ujian saringan air dengan mencelup test trips tersebut ke dalam air kencing di dalam botol urin no siri. B076863 tersebut dan SP1 mendapati bahawa test trip telah menunjukkan keputusan positif bagi dadah jenis 'Amphetamine'.
- v) SP1 mengesahkan botol urin adalah dalam kawalannya dan dalam keadaan baik dan bertutup selepas ujian saringan dijalankan. SP1 sendiri yang telah 'seal' botol urin tersebut dan membuat label ke atas botol urine tersebut dimana label botol urin tersebut menyatakan nama dan no kad pengenalan OKT, tarikh ujian dijalankan dan no report yang bersangkutan bagi kes ini.
- vi) SP1 juga mengesahkan botol urin adalah dalam kawalannya sehingga diserahkan kepada SP5 bersama dengan dokumen-dokumen lain.
- vii) Keterangan SP5 menyatakan dia menerima botol urin berserta dokumen-dokumen lain dari SP1. SP5 mengesahkan bahawa botol urin yang diterima olehnya adalah botol no siri B076863



yang berada dalam keadaan berseal yang telah dilabelkan dengan nama OKT sebagaimana eksibit P4(A-G) dan P13.

viii) SP5 mengesahkan botol urin tersebut telah dihantar ke Jabatan Patologi, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru untuk dinalisa. SP3 mengesahkan bahawa dia telah menerima botol urin no siri. B076863 pada 8.8.2021 berserta dengan Borang Permintaan Ujian Pengesahan Dadah dalam Air Kencing (eksibit P1).

ix) Selepas dianalisa oleh Ahli Patologi, sampel air kencing OKT didapati positif bagi dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine (eksibit P14).

[15] Berdasarkan kepada keterangan di atas, rantaian pengendalian eksibit adalah bersambung tanpa terputus dari masa urin diambil sehingga dianalisa oleh SP4. Selagi sampel urin tersebut telah dilabel dan meterai dengan sempurna, ketiadaan keadaan kacau ganggu dalam rantaian keterangan tersebut dan ahli patologi telah mengesahkan bahawa sampel yang dianalisa adalah sama dengan sampel yang diterima maka hal ini tidak menimbulkan sebarang keraguan dalam kes pendakwaan seperti yang digariskan di dalam kes ***Gunalan Ramachandran & Ors v PP [2004] 4 CLJ 551***, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

“The proof of the chain of evidence is only a method of proving that fact. The fact that there is "a gap" does not necessarily mean that that fact is not proved. It depends on the facts and circumstances of each case. There may be a gap in the chain of evidence. But, if



for example, during that "gap" the exhibits are sealed, numbered with identification numbers, there is no evidence of tampering, there is nothing that would give rise to a doubt that that exhibit is the exhibit that was recovered in that case and that was analysed by the chemist, the fact that there is a gap, in the circumstances of the case, may not give rise to any doubt of that fact."

b. Sama ada dadah berbahaya dikesan dalam air kencing tersebut melalui ujian yang dijalankan mengikut Seksyen 31A.

[16] Bagi membolehkan anggapan di bawah Seksyen 37(k) ADB digunakan, pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa ujian yang dijalankan terhadap air kencing OKT mematuhi peruntukan seksyen 31A ADB tersebut, yang mana di dalam kes ini mahkamah mendapati:

- i) Kutipan sampel telah dibuat oleh seorang pegawai polis berpangkat ASP iaitu SP 1 yang mematuhi keperluan minima seorang pegawai polis yang berpangkat sekurang-kurangnya Sarjan;
- ii) Permintaan pemeriksaan telah dibuat oleh seorang Inspektor polis iaitu SP5 yang melebihi keperluan minima seorang pegawai polis yang berpangkat sekurang-kurangnya Sarjan; dan
- iii) Sampel telah dianalisa oleh SP4 yang merupakan Pegawai Sains Kimia Hayat, Jabatan Patologi Sultanah Aminah Johor Bharu yang mana kedudukan/lantikan SP4 tidak pernah



dipertikaikan. SP 5 merupakan seorang pegawai sains yang di ambil bekerja oleh Kerajaan atau berkhidmat dengan Kerajaan memandangkan beliau sedang berkhidmat dengan sebuah hospital kerajaan. Di dalam kes ***Kamarul Farkaruddin Mohamed v PP [2013] 7 CLJ 636***, Mahkamah Tinggi memutuskan:

“[25] Dalam kes terhadap perayu, orang yang membuat pemeriksaan dan menjalankan ujian pengesanan dadah dalam air kencing perayu adalah Encik Muhammad Nubli Mohd Shuhaimi, pegawai sains (ahli kimia hayat), Makmal Dadah dan Penyelidikan, Jabatan Patologi, Hospital Kuala Lumpur ("HKL"). Tidak dipertikaikan HKL adalah sebuah agensi di bawah Kerajaan Malaysia dan pengkhidmat HKL adalah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.”

[17] Oleh itu mahkamah berpendapat bahawa ujian yang dijalankan telah mematuhi prosedur di bawah seksyen 31A ADB serta anggapan di bawah Seksyen 37(k) ADB terpakai terhadap OKT sehingga dibuktikan sebaliknya.

[18] Pihak pembelaan telah mempertikaikan bahawa OKT bukanlah “arrested person” sebagaimana yang dikehendaki dalam peruntukkan di bawah seksyen 31A(1) dan (1A) Akta Dadah Berbahaya 1952. Peguambela berhujah OKT telah ditangkap buat pertama kali di sebuah kelab malam E-Club atas kesalahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh yang demikian, OKT dikatakan ditangkap kerana melakukan kesalahan PKP dan tidak ditangkap kerana disyaki



melakukan suatu kesalahan narkotik. Maka ketika sampel urin OKT diambil, OKT bukanlah 'arrested person' sebagaimana peruntukan di bawah seksyen 31A Akta Dadah Berbahaya.

[19] Mahkamah merujuk kes ***Pendakwa Raya v Mohd Safwan bin Husain [2017] MLJU 441*** yang mana Mahkamah Rayuan memutuskan:

“[33] Walaupun berlainan pendekatan, kami berpendapat kedua-dua penghakiman tersebut berasaskan prinsip am yang sama, iaitu isu tangkapan merupakan persoalan fakta dan harus diputuskan berdasarkan keadaan sesuatu kes itu. Bagaimanapun kami cenderung untuk mengikuti pendekatan YA Abdul Aziz Mohamad HMP yang tidak melihatnya dari sudut dikotomi tangkapan sebenar atau konstruktif. Pada pengamatan kami perkataan tangkapan dan penentuan bilakah sesuatu tangkapan itu berlaku, sama ada bagi tujuan seksyen 37A atau pun seksyen 31A, ADB 1952, seharusnya sama, dan akan bergantung pada fakta dan keadaan sesuatu kes itu.

[34] Berlandaskan prinsip am di atas, kami mendapati adanya cukup fakta dan keadaan dalam kes ini yang menunjukkan bahawa pada masa responden diarah memberikan spesimen air kencingnya, dia sudah pun ditangkap bagi maksud seksyen 31A (1A) ADB 1952. Harus dicatatkan di sini bahawa seksyen 31A tidak memperuntukkan kuasa menangkap kepada pegawai polis. Kuasa tersebut diberikan dalam seksyen 31, ADB 1952. Seksyen 31 memberikan kuasa tangkapan jika terdapat kepercayaan yang munasabah bahawa sesuatu kesalahan di bawah ADB 1952 telah dilakukan atau akan



dilakukan. Ini mewajarkan pengemukaan maklumat yang diterima (information received) oleh pihak polis sebagai keterangan untuk menentukan isu tangkapan ini (rujuk kes *Raissi v Metropolitan Police Commissioner* (2009) 3 All ER 14; dan *Shaaban & Ors. v. Chong Fook Kam & Anor* , supra). Keterangan SP2, sama ada semasa pemeriksaan utama atau pemeriksaan balas, dengan jelas menunjukkan SP2 dan kumpulannya telah bertindak atas maklumat penyalahgunaan dadah oleh suspek iaitu responden, di tempat dia bekerja iaitu di sebagai pegawai balai di Balai Polis Kuala Perlis. Sebelum pergi ke balai tersebut, SP2 telah terlebih dahulu menghubungi Balai dan memastikan responden bertugas pada hari serbuan. Setibanya di Balai tersebut, SP2 telah memperkenalkan dirinya sebagai Sub Inspektor Narkotik dan telah memaklumkan kedatangan mereka adalah untuk menahan, mengambil dan membuat ujian saringan air kencing ke atas responden. Responden kemudiannya diarahkan untuk menyediakan air kencingnya di tandas Balai dengan diiringi dan diperhatikan oleh SP2 dan Koperal Asmadi. SP2 dengan jelas mengatakan responden merupakan sasaran (suspek) serbuan itu dan tiada orang lain yang berada di Balai ketika itu. Pada masa yang sama, kumpulan SP2 yang lain telah juga menggeledah kereta responden. Setelah strip ujian ke atas air kencing responden menunjuk keputusan positif methamphetamine, responden telah dibawa ke IPK Perlis untuk tindakan selanjutnya. Dalam keadaan di atas, dan walaupun responden dikatakan memberikan kerjasama, dan sebagai seorang anggota polis sokongan, namun kebebasannya telah disekat dan dia telah dipaksa untuk mengikuti segala arahan yang diberikan- rujuk



kes Alderson v Booth (1969) QB 216 yang memutuskan “Held (1) that an arrest was constituted when any form of words was used which, in the circumstances, were calculated to and did bring to the notice of a defendant that he was under compulsion to which he thereafter submitted” Dalam keadaan di atas, kami dapati responden telah ditangkap sebaik sahaja dia ditahan dan diarahkan memberikan spesimen air kencingnya”

[20] Mahkamah ini juga merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes **Ahmad Syahir bin Mohd Fauzi, rayuan jenayah no. C-07-103-08/2022**, yang mana Mahkamah tersebut telah memutuskan keterangan yang menunjukkan Perayu telah diarahkan untuk memberikan sampel urinya jelas menunjukkan Perayu dalam kawalan dan jagaan SP1 dan arahan yang diberikan oleh pengadu/SP1 wajib dipatuhi tanpa gagal. Malah pergerakan Perayu juga dikawal oleh Pegawai pengiring/SP4 yang mengiring Perayu ke tandas Balai Polis Jaya Gading untuk memberikan sampel air kencingnya. Setelah sampel air kencing diberikan, SP4 mengiringi semula Perayu ke tempat SP1 berada untuk dijalankan ujian pengesanan dadah. Kebebasan Perayu telah disekat dan ini terjumlah kepada tangkapan yang dimaksudkan seksyen 31A ADB tersebut.

[21] Mahkamah ini meneliti keterangan SP1 dalam kes semasa dimana SP1 telah mendapat arahan daripada KJSJN Kontinjen Johor bagi menjalankan ujian saringan awal air kencing kerana OKT disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah. SP1 telah mengarahkan OKT memberikan sampel air kencingnya dengan diiringi oleh SP2 ke tandas di Pejabat Narkotik IPD Johor Bahru Selatan. Pada hemat Mahkamah,



pergerakan OKT telah terbatas dan kebebasannya telah disekat dan keadaan ini menunjukkan OKT telah pun ditangkap sebagaimana kehendak peruntukan seksyen 31A ADB tersebut.

c. Sama ada Methamphetamine dan Amphetamine merupakan dadah berbahaya yang ditetapkan di Bahagian III dan IV Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

[22] Berdasarkan keterangan SP4 telah mengesahkan hasil analisa urin di dalam botol urin no siri B076863 adalah positif dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine di mana dadah ini adalah tersenarai di Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952. SP4 juga menyediakan Laporan Patologi (No Makmal: 10503824) yang dikemukakan di Mahkamah ini sebagai eksibit P14. Maka, Mahkamah ini berpendapat elemen ketiga telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Penelitian mahkamah terhadap saksi pendakwaan.

[23] Secara keseluruhannya mahkamah berpuas hati dengan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Keterangan SP1, SP2, SP3, SP4, SP5 ini adalah konsisten, kredibel dan boleh dipercayai. Mahkamah berpendapat tiada sebab untuk kesemua saksi pendakwaan untuk memperdaya OKT.

[24] Keterangan yang diberikan oleh ke semua saksi ini menyokong antara satu sama lain dan tidak wujud percanggahan material.



[25] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan ***Balachandran v Public Prosecutor [2005] 2 MLJ 301***, Augustine Paul FCJ menegaskan maksud "*prima facie*". Beliau menyatakan seperti berikut:

"A 'prima facie case' is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal."

[26] Justeru itu, berdasarkan keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan dan bukti-bukti yang dikemukakan dan di atas penilaian maksimum terhadap kesemua keterangan tersebut maka Mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan setiap intipati kesalahan seperti yang dipertuduhkan dan ini sekaligus membuktikan bahawa satu kes *prima facie* berjaya dibuktikan oleh pendakwaan terhadap OKT.

[27] Mahkamah telah memerintahkan OKT untuk memasukkan pembelaan terhadap pertuduhan yang dipertuduhkan dan Mahkamah memberi pilihan kepada OKT di bawah seksyen 173(ha) Kanun Tatacara Jenayah untuk:

- a) Beri keterangan bersumpah di dalam kandang saksi;
- b) Beri pernyataan tidak bersumpah di kandang OKT; atau
- c) Tetap senyap



Kes Peringkat Pembelaan

[28] Pada peringkat ini, OKT telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah di dalam kandang saksi dan 2 saksi pembelaan lain yang dipanggil:

SAKSI	NAMA	PERANAN
SD1	Muhammad Saifudin bin Che Anawa	OKT
SD2	Low Kai Wee atau Alvin	Saksi di E-Club
SD3	Insp Aizat Zulfadli bin Hassan	SD3 memperkenalkan OKT dengan SD2

[29] Secara ringkasnya, SD1(OKT) dalam pembelaannya memberitahu dia tidak mengambil sebarang dadah dan tiada pengetahuan bagaimana uratnya positif dadah.

[30] SD 1 juga menyatakan sebelum serbuan di E-Club berlaku, dia telah berjumpa Low Kai Wee atau Alvin (SD2) dan meminum air Coke di ketika berada di kelab malam tersebut.

[31] SD 1 juga telah menyatakan dia telah memaklumkan kepada pegawai penyiasat (SP5) berkenaan dia minum air Coke di E Club sewaktu dalam siasatan. Rakaman percakapan OKT di bawah dbs 37B ADB dikemukakan di Mahkamah dan diterima masuk sebagai eksibit D 17.



Dapatan Dan Analisis Mahkamah di Peringkat Kes Pembelaan

[32] Melalui penelitian ekstensif mahkamah terhadap keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi dan hujahan kedua-dua belah pihak. Mahkamah mendapati bahawa:

a. Sama ada pembelaan OKT berjaya menimbulkan keraguan

[33] Perkara asas yang perlu dipertimbangkan sepenuhnya oleh Mahkamah adalah elemen atau intipati kesalahan di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dibuktikan secara *prima facie* sebelum ini. Oleh yang demikian pihak pembelaan wajib menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan ataupun mereka perlu mengemukakan pembelaan penuh (*absolute defence*) yang sah di sisi undang-undang. OKT juga mestilah mengemukakan bentuk keterangan yang mencukupi dan munasabah untuk menimbulkan keraguan terhadap kes *prima facie* pendakwaan.

[34] Dalam kes ***PP v Roslan Abdullah [2007] 7 CLJ 249***, YA Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan maksud keraguan munasabah seperti berikut:-

"Apakah yang dimaksudkan dengan Keraguan Munasabah atau "Reasonable Doubt" itu? Di dalam satu kes di India, K. Gopala Reddy v. State of Andhra Pradesh [1979] SCC (CR) 310 dinyatakan seperti berikut:

... reasonable doubt does not mean some light, airy, insubstantial doubt that may fit through the minds of any of us about almost anything at some time or the other, it does



not mean a doubt begotten by sympathy out of reluctance to evict, it means a real doubt; doubt founded upon reasons.”

[35] Malahan di dalam kes **PP V Teh Eng Wah [1998] 8 CLJ 451**, Mahkamah Tinggi memperincikan maksud keraguan yang munasabah seperti berikut: -

“It would not do any violence to the above if the difference between 'fanciful' and 'reasonable' is viewed as whether the evidence is credible, probable, plausible or logical that a reasonable person, having regard to the ordinary course of nature or natural events, human conduct, and in the particular circumstances of the particular case, would accept it as to act upon it as having occurred or been proven to have occurred, or as truthful or accurate; and not any doubt that could, with the application of some ingenuity, be conjured up, envisioned or visualized.”

[36] Selanjutnya, pihak pembelaan di peringkat ini juga seharusnya mengemukakan keterangan pembelaan yang semampunya bagi mematahkan anggapan di bawah seksyen 37(k) Akta Dadah Berbahaya 1952 atas beban imbangan kebarangkalian. Rujukan di buat kepada kes **Muhamad Zhafri Bin Mohamad Yunus V Public Prosecutor [2022] MLJU 917**:

“It is also trite that the presumption under Section 37(k) DDA needs to be rebutted on a balance of probabilities which is of a higher standard than merely to raise a reasonable doubt. See Miller v Minister of Pensions [1947] 2 All ER 372”



[37] Prinsip undang-undang yang sama juga telah digariskan dalam kes ***Muhammad Hafeez bin Zainudin v Public Prosecutor and another case [2022] MLJU 2300*** yang mana menyebut:

“In this Court’s view notwithstanding that the decisions referred above involve section 39B(1) DDA, the duty of the trial Judge to make a finding on whether a presumption is rebutted, be it under section 37(d) or 37(da) DDA for the possession or trafficking of dangerous drugs or under section 37(k) DDA for self-administration of drugs, is the same. Therefore, in a trial for section 15(1) the Magistrate must discharge the same duty in finding on whether the presumption was successfully rebutted or not.”

[38] Berdasarkan otoriti kes-kes di atas jelas bahawa seperti kes yang dibicarakan ini OKT perlu mewujudkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan, bukan semudah penafian semata-mata tetapi mestilah mengikut prinsip seperti yang diputuskan di dalam kes ***Teh Eng Wah*** yang dinyatakan seperti di atas. Tambahan pula, keterangan pembelaan ini sewajarnya diteliti atas dasar imbangan kebarangkalian sama ada mampu mematahkan anggapan dibawah seksyen 37(k) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[39] Mahkamah ini berpendapat pembelaan yang ditimbulkan oleh OKT adalah suatu pembelaan yang konsisten yang dibangkitkan sejak awal lagi melalui saksi pendakwaan SP1 dan SP5 khususnya berkenaan OKT telah meminum air Coke sewaktu OKT berada di E Club sebelum OKT ditangkap oleh pihak polis di kelab malam tersebut.



[40] Keterangan SP5 semasa disoal balas oleh peguambela menjawab beliau tidak menyiasat air coke tersebut kerana beranggapan jika disiasat mungkin air Coke ini sudah tidak ada di E-Club.

[41] Mahkamah ini merujuk kes Alcontara a/l Amross Anthony v PP [1996] 1 CLJ 705 dimana Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut;

“ Held:

Per Edgar Joseph Jr. FCJ (delivering the judgment of the Court):

[1] The evidence suggests that the first opportunity the appellant had to explain was at the time he was interviewed and his cautioned statement recorded from him the day after his arrest. There was therefore no evidence of delay on his part in offering an explanation. In fact the evidence indicates that the appellant had made prompt disclosure of his defence in his cautioned statement. It follows that it was wrong for the learned Judge to have assumed, contrary to the evidence, that there had been a belated disclosure of the defence, which suggested concoction. There was thus a misdirection by the Judge on this point.

[2] The misdirection aforesaid has to be treated in the same way as an erroneous direction to the jury, and on this ground alone the conviction could not stand. Clearly, as a result of the misdirection, the case for the appellant must have been seriously



weakened in the eyes of the Judge and the chance of attaching any degree of credence to it seriously prejudiced.

[3] It was wrong for the Judge to have criticised the defence for having failed to put to the Investigating Officer, the name of Che Mat, or the latter's telephone number or his place of abode, for the simple reason that these particulars had been disclosed in the cautioned statement, which means that the police had all the time in the world to check for their veracity. That being the case, the onus was on the prosecution to check on whether the appellant's version of the facts as they appeared in his cautioned statement, was true or false. The defence were, therefore, under no duty to put these matters to the Investigating Officer. In holding the contrary, the Judge had undoubtedly overlooked the material portions of the cautioned statement touching on Che Mat, reversed the onus, and placed it on the defence, so that on this further ground also, the conviction had to be quashed.

[4] The Judge was clearly wrong when he held that "the defence by its failure to put such questions to the prosecution witnesses ought not to be allowed to raise such issues at the defence stage". It is settled law that although a Court may view with suspicion a defence which has not been put to the appropriate prosecution witnesses who might have personal knowledge of the points at issue, the Court is still bound to consider the defence, however weak, and to acquit, if not satisfied that the prosecution has discharged the burden of proof which rests upon it."



[42] Selanjutnya, Mahkamah ini merujuk kepada kes **PP v Jarizal Bin Jasni [2023] 1 LNS 1533** turut disentuh perkara ini yang mana Hakim MT telah memutuskan dalam penghakimannya:

“[39] It is incumbent on the police to investigate both the allegation and the respondent's defence fairly and professionally. It cannot be said that the defence put up by the respondent is a belated defence. Timely disclosure have been made by the respondent and there is no evidence of delay on his part in offering an explanation. The respondent's 112 statement under the CPC is made contemporaneously during the course of investigation and failure on the part of the police to investigate the respondent's defence adequately, adversely affect the prosecution's case. Even if there is a failure on the part of the respondent to put up his defence, it can never by itself relieve the prosecution of the duty of establishing the charge against the respondent on a prima facie basis at the prosecution's stage. This court finds that the learned Magistrate has not erred in accepting the defence's version that there is evidence where inference can be made that dangerous drugs were added to the soft drinks consumed by the respondent without his knowledge. This court is of the considered view that it cannot be said that the respondent's version cannot be true. The prosecution must disprove this important part of the respondent's version of the facts which they did not. In those circumstances there is doubt as to whether the respondent did consume or administer dangerous drugs type MDMA to himself with mens rea or by statutory presumption. Accordingly, the respondent was rightly acquitted at the close of the prosecution case on these grounds alone.”



[43] Berdasarkan rujukan kepada kes-kes di atas, Mahkamah berpendapat, OKT telah memberikan maklumat kepada SP5 bahawa dia tidak mengambil sebarang dadah dan dia ada minum air Coke di E-Club pada kadar segera dan perkara tersebut telah dirakamkan dalam percakapan OKT di bawah seksyen 37B ADB [D17] yang diambil pada malam kejadian. Kegagalan SP5 menyiasat perkara ini adalah merupakan satu perkara fatal yang mana membawa kepada ketidakadilan dan memprejudiskan OKT untuk menghadapi bicara yang adil sedangkan perkara ini telah dinyatakan secara awal lagi.

[44] Selain daripada itu, Mahkamah berpandangan pembelaan OKT bukanlah bersifat penafian atau rekaan semata-mata kerana saksi-saksi pembelaan terutama SD2 hadir dan mengesahkan naratif pembelaan OKT dimana SD2 memberi keterangan dia telah nampak pelayan kelab malam memasukkan serbuk putih ke dalam jug air Coke dimana pelayan kelab telah menuang air Coke tersebut di dalam gelas dan OKT telah meminumnya.

[45] Versi keterangan pembelaan tersebut telah menimbulkan suatu 'inference' bahawa dadah berbahaya dimasukkan ke dalam air Coke yang diminum oleh OKT tanpa pengetahuannya. Hujahan pendakwaan bahawa SD2 telah mereka-reka cerita dan tidak mengetahui apakah kandungan serbuk putih yang dipanggil serbuk 'happy-happy' tersebut, Mahkamah berpendapat pihak pendakwaanlah yang perlu menafikan bahagian penting dalam versi fakta pembelaan tersebut tetapi gagal berbuat demikian. Dalam keadaan tersebut terdapat keraguan sama ada OKT telah menggunakan dadah berbahaya jenis Methamphetamine dan



Amphetamine kepada dirinya sendiri dengan mens rea atau dengan statutory presumption.

[46] Mahkamah juga berpendapat pihak pendakwaan juga tidak mencabar versi pembelaan berkenaan SD2 yang nampak pelayan kelab malam memasukkan serbuk putih ke dalam jug air Coke. Malah pihak pendakwaan bertanyakan soalan yang membawa kepada pengesahan dan sokongan terhadap versi pembelaan tersebut seperti berikut;

Pemeriksaan balas:

Soalan: Setuju tak jika saya cadangkan, kamu tahu bahawa serbuk putih yang waiter tu letak untuk happy-happy itu adalah dadah?

Jawapan: Tak tahu.

.....

Soalan: Saya cadangkan kamu tahu yang itu adalah dadah, setuju atau tidak?

Jawapan: Tak.

[47] Mahkamah ini merujuk kepada kes **Adzhaar bin Ahmad & Anor v PP [1996] 1 LNS 68; [1996] 4 MLJ 85** yang menyatakan seperti berikut;

“ By introducing P15 A and B, the prosecution had without doubt, led two sets of evidence which were contradictory with each other. What then would be the effect of such contradiction? It would inevitably show that the evidence is unreliable and the result is that the court would be left with no trustworthy evidence upon which



the conviction could be based. My finding finds support in the case of PP v Lee Eng Kooi [1993] 2 MLJ 322. The learned Vincent Ng JC (as he then was) in the course of his judgment at p 333 had this to say:

*The function of the court in a criminal trial is to find whether the person arraigned before it as the accused is guilty of the offence with which he is charged. For this purpose, the court scans the material on record to find whether there is any reliable and trustworthy evidence upon the basis of which it is possible to found the conviction of the accused and to hold that he is guilty of the offence with which he is charged. **If in a case the prosecution leads two sets of evidence, each one of which contradicts and strikes at the other and shows it to be unreliable, the result would necessarily be that the court would be left with no reliable and trustworthy evidence upon which the conviction of the accused might be based. Inevitably, the accused would have the benefit of such a situation.***

[48] Berdasarkan prinsip undang-undang yang diputuskan di atas, Mahkamah berpendapat pihak pendakwaan telah membawa kepada dua versi keterangan dimana versi yang pertama pihak pendakwaan hendak membuktikan bahawa OKT telah memberikan dadah kepada diri sendiri sementara versi kedua pihak pendakwaan bersetuju pula pelayan kelab telah memasukkan dadah dalam air Coke yang diminum OKT. Dengan 2 versi keterangan ini, faedah keraguannya harus diberikan kepada OKT.



[49] Oleh yang demikian, pada hemat Mahkamah, pembelaan OKT seperti yang dinyatakan di atas telah membawa kepada satu keraguan munasabah sekaligus mematahkan anggapan di bawah seksyen 37(k) ADB.

[50] Mahkamah juga dengan berwaspada telah berpegang pada prinsip asas di dalam kes **Mat v PP [1963] 1 MLJ 263** sebelum membuat keputusan yang menyatakan dalam perenggan (b) seperti berikut:

“The position may be conveniently stated as follows: –

(a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt **Convict.**

(b) If you accept or believe the accused's explanation **Acquit.**

(c) If you do not accept or believe the accused's explanation **Do not convict but consider the next steps below.**

(d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt **Convict.**

(e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt **Acquit.”**



Keputusan Di Akhir Kes Pembelaan

[51] Berdasarkan dapatan analisis mahkamah di akhir kes pembelaan, Mahkamah berpendapat pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Oleh yang demikian, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah. Dengan itu, OKT dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan terhadapnya.

tt

(HIDAYATUL SYUHADA BINTI SHAMSUDIN)

Majistret

Mahkamah Majistret Johor Bahru

Johor

Tarikh penghakiman: 27.9.2023

Tarikh alasan: 29.10.2023

Pendakwaan:

TPR Sharifah Natasha binti Syed Ahmad

TPR Nur Aqilah binti Ahmad Rofaie

Timbalan Pendakwa Raya

Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor

Pihak pembelaan:

Mohd Azlan Shah bin Mohd Allias

Tetuan Law Practice of Azlan Shah



S/N s559wI46KUubLY4FvWneA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal